

**Parlimen: Cadangan Benarkan Pekerja Sendiri Carum Di Perkeso Dikaji  
Bernama  
27 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia sedang mengkaji cadangan untuk membolehkan mereka yang bekerja sendiri mencarum dalam Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), kata timbalan menteri berkenaan Datuk Maznah Mazlan.

Kementerian meneliti sama ada untuk menggubal undang-undang baru atau menambah baik akta sedia ada dengan memberikan penekanan kepada pekerja sendiri termasuk pemandu teksi persendirian dan suri rumah, katanya ketika menjawab soalan P. Kamalanathan (BN-Hulu Selangor) dan Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam) di Dewan Rakyat Selasa.

Kedua-dua wakil rakyat itu mencadangkan kepada kementerian itu untuk mengambil kira mereka yang bekerja sendiri termasuk pemandu teksi persendirian dan suri rumah sebagai pencarum Perkeso.

Maznah berkata kementerian juga sedang menimbang untuk memberikan kuasa kepada Menteri Sumber Manusia bagi membolehkannya meningkatkan kadar Elaun Layanan Sentiasa.

Elaun itu, dengan bayaran maksimum RM500, diberikan kepada penjaga sepenuh masa yang menjaga pekerja yang ditimpa kemalangan di tempat kerja yang menyebabkan mereka tidak boleh lagi bekerja, katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655180>